GAYA BAHASA ILTIFAT

oleh
HAJI AMILRUDIN ISHAK

Pendahuluan

ILTIFAT adalah salah satu gaya bahasa yang dikategorikan sebagai *'mengeluarkan ungkapan bercanggah dengan situasi zahir interlokutor'* (*departure from what is normally expected).* Ia boleh berlaku pada subjek ayat atau pada pradikat atau pada komponen-komponen lain.

Istilah Iltifat dipercayai mula diperkenalkan oleh al-Asmai, salah seorang ahli bahasa Arab yang terkenal. Ibn al-Muktaz meletakkan tajuk iltifat ini dalam bab *muhasin al-kalam (al-badie)* iaitu keindahan gaya bahasa. Beliau telah memberi definisi iltifat dan menampilkan contoh-contoh daripada ayat al-Quran dan puisi Arab.

Ibn al-Muktaz mentakrifkan iltifat sebagai pengalihan penutur daripada ganti nama kedua kepada ganti nama ketiga atau daripada ganti nama ketiga kepada ganti nama kedua atau seumpamanya. Termasuk dalam kategori iltifat ialah pengubahan daripada satu makna kepada satu makna lain.

Contoh:

حَتَّىٰٓ إِذَا كُنتُمْ فِى ٱلْفُلْكِ وَجَرَيْنَ بِهِم بِرِيحٍ طَيِّبَةٍ

*"Sehingga apabila **kamu** berada di dalam bahtera, dan meluncurlah bahtera itu membawa **mereka** yang berada di dalamnya dengan tiupan angin yang baik."*

(Surah Yunus: 2)

Iltifat dalam ayat ini ialah pada penggunaan ganti nama 'kamu' pada ungkapan *'apabila kamu'* dan diikuti 'mereka' pada ungkapan *'membawa mereka'* sedangkan kedua-dua ganti nama ini merujuk kepada makna yang sama.

Mengulas contoh ini, Ibn al-Asir berkata: Sesungguhnya apabila ungkapan ini berpaling daripada ganti nama kedua kepada ganti nama ketiga, ia memberi maksud untuk menceritakan kehebatan dan kehairanan ini bukan sahaja kepada *'kamu'* malah juga kepada golongan selain *'kamu'*. Jika ungkapan ini kekal dengan ganti nama kedua, seolah-olah hanya golongan *'kamu'* sahaja yang merasai kehebatan ini sedangkan golongan lain tidak merasainya.

Ibn al-Asir sendiri mengutarakan pendapatnya tentang iltifat. Katanya, "Hakikat sebenar asal perkataan iltifat ialah penolehan seseorang daripada kanan ke kiri. Demikianlah keadaannya dengan pertuturan seseorang, kerana ia ada kalanya menukarkan gaya bahasa ungkapannya daripada bercakap dengan seseorang yang berhadapan dengannya kepada pertuturan dengan seseorang yang tiada di hadapannya."

Untuk memberi definisi dan pengertian iltifat, para ulama Balaghah telah berselisih pendapat. Sekurang-kurangnya ada dua aliran utama yang mengemukakan takrifan iltifat, iaitu mazhab al-Sakkakiy dan mazhab al-Jumhur (majoriti).

Mazhab Al-Sakkayiy

Menurut mazhab al-Sakkakiy, iltifat ialah satu ungkapan tentang sesuatu makna dengan menggunakan salah satu daripada tiga jenis ganti nama (sama ada ganti nama pertama, kedua atau ketiga) dan penggunaan ganti nama ini adalah menyanggahi situasi zahir interlokutor. Penggunaan ganti nama yang menyanggahi situasi zahir pendengar ini boleh berlaku sama ada ia telah didahului oleh satu satu ungkapan yang menggunakan ganti nama lain atau ia datang bersendirian iaitu tidak didahului oleh mana-mana ganti nama berlainan.

Ringkasnya, iltifat menurut al-Sakkakiy ialah penggunaan ganti nama yang menyanggahi situasi zahir interlokutor tanpa mengambil kira kewujudan ungkapan lain.

Contoh puisi Arab yang mengandungi iltifat menurut al-Sakkakiy ialah kata-kata penyair agung Imr al-Qasis:

Malam kamu berlarutan panjang di Asmad,
Sedangkan orang yang tidak diselubungi rindu bermalam,
Namun ia masih tak lena tidur.

Penggunaan ganti nama kedua '*kamu*' dalam puisi ini tidak didahului oleh ungkapan lain yang telah terlebih dahulu menggunakan ganti nama berlainan sama ada ganti nama pertama atau ketiga.

Dalam puisi ini, penyair mengungkapkan kata-kata '*malam kamu*' iaitu dengan menggunakan ganti nama kedua, sedangkan pada situasi zahir sepatutnya penyair menggunakan '*malam aku*' yang merujuk kepada diri penyair sendiri.

Menurut al-Sakkakiy, penggunaan '*kamu*' dalam bait ini yang menyanggahi situasi zahir interlokutor adalah dianggap sebagai satu gaya bahasa iltifat.

Gaya bahasa iltifat juga boleh ditemui dalam puisi Rabiah bin Maqrum:

Demi keranamu wahai Suad,
Hati menjadi sedih,
Dan gadis bebas ini (Suad),
Telah mengingkari janji dengan engkau.

Pada unjuran mazhab al-Sakkakiy, terdapat gaya bahasa iltifat pada ungkapan '*telah mengingkari janji dengan engkau*' sedangkan situasi zahir interlokutor ialah ganti nama pertama iaitu '*aku*' yang mewakili diri penyair.

Rabiah bin Maqrum nyata gemar menggunakan gaya bahasa iltifat dalam puisinya. Berikut adalah contoh puisi beliau yang menggunakan ganti nama kedua menggantikan ganti nama pertama:

Engkau telah menyedari,
Dan memori itu menggangu engkau.

Mazhab Al-Jumhur (Majoriti)

Pendapat yang masyhur datangnya daripada kalangan mazhab al-Jumhur telah mendefinisikan iltifat sebagai satu ungkapan tentang sesuatu makna dengan cara menggunakan salah satu daripada tiga jenis ganti nama setelah datangnya satu ungkapan yang terlebih dahulu

menggunakan ganti nama yang berlainan. Kedua-dua ungkapan yang mengandungi ganti nama berbeza ini adalah merujuk kepada makna yang sama.

Mazhab al-Jumhur mensyaratkan bahawa ungkapan kedua mestilah menyanggahi situasi zahir dan tanggapan interlokutor meskipun ia barang kali bertepatan dengan realiti sebenar.

Iltifat menurut mazhab al-Jumhur ini lebih kecil ruang lingkupnya berbanding pendapat yang dinobatkan oleh mazhab al-Sakkakiy. Ini kerana iltifat dalam mazhab al-Sakkakiy adalah lebih umum yang mana ia boleh berlaku pada dua ungkapan yang menggunakan dua ganti nama yang berbeza atau berlaku pada satu ungkapan sahaja yang menggunakan dua ganti nama yang berbeza atau berlaku pada satu ungkapan sahaja yang didapati menggunakan ganti nama yang menyanggahi situasi zahir interlokutor. Sedangkan iltifat pada mazhab al-Jumhur mesti berlaku pada ungkapan kedua yang menyanggahi ungkapan pertama yang menggunakan ganti nama berlainan.

Kedua-dua mazhab bersependapat bahawa dua ungkapan yang menggunakan dua ganti nama yang berbeza adalah dianggap sebagai satu gaya bahasa iltifat, tetapi al-Sakkakiy bersendirian mempertahankan takrifannya untuk menerima satu ungkapan yang menggunakan ganti nama yang menyanggahi situasi zahir juga adalah sebagai gaya bahasa iltifat.

Ringkasnya, semua iltifat dalam pengertian al-Jumhur juga adalah iltifat menurut al-Sakkakiy, tetapi tidak semua iltifat dalam mazhab al-Jumhur.

Bentuk-bentuk Iltifat

Terdapat kecenderungan di kalangan ahli-ahli balaghah untuk memperluaskan kategori iltifat. Secara ringkasnya, mereka memasukkan kriteria seperti berikut sebagai salah satu gaya bahasa iltifat:

- Pertukaran ganti nama.
- Pertukaran bilangan.
- Pertukaran interlokutor (orang yang ditujukan ungkapan).
- Pertukaran kala kata kerja.
- Menggunakan kata nama di tempat ganti nama.

Penghayatan gaya bahasa iltifat seterusnya banyak didominiasi oleh oleh pengertian yang telah diutarakan oleh mazhab al-Jumhur. Dengan mensyaratkan iltifat mesti berlaku pada ungkapan kedua setelah datang ungkapan pertama yang menggunakan ganti nama berlainan, maka bentuk-bentuk iltifat dapat dibahagikan kepada enam jenis.

1. Iltifat daripada ganti nama pertama kepada ganti nama kedua.

Contoh, firman Allah S.W.T.:

وَمَا لِيَ لَآ أَعْبُدُ ٱلَّذِى فَطَرَنِى وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٢﴾

*"Mengapa **aku** tidak menyembah (Tuhan) yang telah menciptakanku dan yang hanya kepada-Nya **kamu** akan dikembalikan."*

(Surah Yaasin: 22)

Situasi zahir yang wujud pada pendengar ialah *'kepada-Nya aku akan dikembalikan'* berdasarkan ungkapan terdahulu yang menyatakan *'mengapa aku tidak menyembah (Tuhan)yang telah menciptakanku'*, sedangkan maksud yang dirujuk oleh ganti nama *'aku'* dalam ungkapan pertama dan *'kamu'* dalam ungkapan yang kedua adalah sama.

2. Iltifat daripada ganti nama pertama kepada ganti nama ketiga.

Contoh, firman Allah S.W.T.:

إِنَّآ أَعۡطَيۡنَٰكَ ٱلۡكَوۡثَرَ ۝١ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَٱنۡحَرۡ ۝٢

*"Sesungguhnya **Kami** telah memberikan kepada engkau nikmat yang banyak. Maka dirikanlah solat kerana **Tuhan** engkau dan berkorbanlah."*

(Surah al-Kauthar: 1-2)

Iltifat dalam contoh ini ialah ungkapan ganti nama pertama *'Kami'* kepada *'Tuhan'* dalam ayat kedua. Ganti nama *'kami'* dalam ayat ini adalah merujuk kepada Allah. Sementara dalam ayat yang kedua, Allah dirujuk dengan perkataan *'Tuhan'*. Situasi zahir ayat kedua seharusnya berbunyi *'tunaikanlah solat kepada Kami.'*

3. Iltifat daripada ganti nama kedua kepada ganti nama pertama.

Contoh, firman Allah S.W.T.:

وَٱسۡتَغۡفِرُواْ رَبَّكُمۡ ثُمَّ تُوبُوٓاْ إِلَيۡهِۚ إِنَّ رَبِّي رَحِيمٞ وَدُودٞ ۝٩٠

*"Dan mohonlah ampun kepada Tuhan **kamu**, kemudian bertaubatlah kepada-Nya. Sesungguhnya Tuhan **aku** adalah Maha Penyayang dan Maha Pengasih."*

(Surah Hud: 90)

Ungkapan pertama menggunakan *'Tuhan kamu'* dan ungkapan kedua pula menggunakan *'Tuhan aku'*. Ini menjelaskan salah satu gaya iltifat iaitu pertukaran daripada ganti nama kedua kepada ganti nama pertama.

4. Iltifat daripada ganti nama kedua kepada ganti nama ketiga.

Contoh, firman Allah S.W.T.:

حَتَّىٰٓ إِذَا كُنتُمۡ فِي ٱلۡفُلۡكِ وَجَرَيۡنَ بِهِم بِرِيحٖ طَيِّبَةٖ

*"Sehingga apabila **kamu** berada di dalam bahtera, dan meluncurlah bahtera itu membawa **mereka** yang berada di dalamnya dengan tiupan angin yang baik."*

(Surah Yunus: 22)

Iltifat dalam ayat ini ialah pada penggunaan ganti nama 'kamu' pada ungkapan 'apabila kamu' dan diikuti dengan ganti nama 'mereka' pada ungkapan 'dengan mereka' sedangkan kedua-dua ganti nama ini merujuk kepada makna yang sama.

5. Iltifat daripada ganti nama ketiga kepada ganti nama pertama.

Contoh, firman Allah S.W.T.:

وَٱللَّهُ ٱلَّذِىٓ أَرْسَلَ ٱلرِّيَٰحَ فَتُثِيرُ سَحَابًا فَسُقْنَٰهُ إِلَىٰ بَلَدٍ مَّيِّتٍ ...

*"Dan Allah, **Dialah** yang mengirimkan angin, lalu angin itu menggerakkan awan, maka **Kami** halau awan itu ke suatu negeri yang mati..."*

(Surah Fatir: 9)

Allah dalam ungkapan pertama dirujuk sebagai 'Dia' dan berlaku perubahan ganti nama dalam ungkapan kedua apabila Allah dirujuk dengan ganti nama 'Kami'.

6. Iltifat daripada ganti nama ketiga kepada ganti nama kedua.

Contoh, firman Allah S.W.T.:

مَٰلِكِ يَوْمِ ٱلدِّينِ ﴿٤﴾ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾

*"**Dia**, (Allah) yang menguasai hari pembalasan. Hanya kepada **Engkau** (Allah) kami menyembah dan hanya kepada Engkau kami mohon pertolongan."*

(Surah al-Fatihah: 4-5)

Dalam ungkapan pertama terdapat *'Dia'* iaitu Allah yang memiliki dan mentadbir hari kiamat. Dalam ungkapan kedua pula berlaku pertukaran ganti nama kepada *'Engkau'* yang juga merujuk kepada Allah.

Nilai Retorika Iltifat

Al-Zamakhsyari ada menyebut, "Apabila sesuatu ungkapan itu dinukil daripada satu gaya kepada satu gaya yang lain, ia adalah satu proses penggilapan bahasa, iaitu menjadikannya lebih segar dan baharu pada pendengaran pendengar. Bahasa akan lebih lunak dan indah berbanding dengan hanya satu gaya sahaja kerana telah menjadi lumrah setiap yang baharu itu adalah lebih menarik dan cantik. Inilah sebenarnya ciri-ciri keindahan yang dihasilkan oleh gaya bahasa iltifat."

Lihatlah keindahan iltifat yang terdapat dalam surah al-Fatihah. Ia bermula dengan ganti nama ketiga (iaitu merujuk kepada Allah). Empat ayat pertama menerangkan sifat dan keagungan Tuhan Yang Pemurah, Penyayang dan yang berhak diberikan segala pujian. Dialah Tuhan yang memiliki dan mentadbir hari kiamat. Dalam ayat kelima dan seterusnya berlaku pertukaran ganti nama kepada *'Engkau'* yang juga merujuk kepada Allah iaitu *'Hanya kepada Engkau (Allah) kami menyembah dan hanya kepada Engkau kami mohon pertolongan.'*

Perubahan dan pertukaran ganti nama ini bukanlah sekadar perubahan gaya bahasa yang memperlihatkan keindahan zahirnya. Ia turut melibatkan perubahan hati dan fikiran seseorang

hamba yang benar-benar dapat menghayati keagungan Tuhannya. Penghuraian tentang sifat-sifat Allah dalam empat ayat yang pertama sesuai menggunakan ganti nama ketiga untuk menggambarkan ketinggian dan keagungan-Nya.

Apabila ciri-ciri keagungan Tuhan ini dijelaskan, maka sebagai hamba yang penuh keimanan, khusyuk dan taat pasti merasa gerun, tambahan pula pada ayat keempat ada dinyatakan *'Dia (Allah) yang menguasai hari pembalasan'*. Situasi sebegini mendorong hamba-Nya untuk melafazkan ikrar bahawa sebarang penyembahan dan pertolongan hamba-Nya untuk melafazkan ikrar bahawa sebarang penyembahan dan pertolongan hanyalah tertumpu kepada-Nya. Dengan menggunakan ganti nama kedua ia menggambarkan bahawa hamba ini benar-benar berhadapan dengan Tuhannya untuk dia melafazkan pengakuan yang tulus seolah-olah Tuhannya ini berada di hadapannya.

RUJUKAN

1. *Al-Quran al-Karim.*
2. al-Muhammadi Abd al-Aziz al-Hanawi (1987). *al-Balaghah al-Arabiyyah*. Kaherah.
3. Abd al-Azizi Atiq (1996). *Ilm al-Maani al-Bayan al-Badi*. Beirut: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah.
4. Fadl Hasan Abbas (1997). *al-Balaghah Fununuha wa Afnanuha*. Irbid: Dar al-Furqan.